

Pelajar Jepun, China ikut rentak kumpulan tarian Melayu NUS



Pelajar dari Jepun, Encik Shintaro Ae bersama mahasiswi Universiti Nasional Singapura (NUS), Cik Nur Safiqah Abdul Rahim, dalam satu persembahan di Festival Muara 2022. – Foto NUS ILSA TARI

Encik Muhammad Hariz Emran (kiri) dan Encik Zifang Wang (kanan), pelajar dari China, bersama anggota NUS Ilsa Tari semasa Festival Muara 2023. – Foto NUS ILSA TARI

► NUR ZAKIRAH ROSMAN

Kumpulan tarian Universiti Nasional Singapura (NUS) Ilsa Tari membuktikan tarian Melayu tidak terbatas kepada orang Melayu sahaja.

Kumpulan itu melibatkan pelajar dari luar negara bagi persembahannya di Festival Muara sejak dua tahun lalu.

Pada 2022 dan 2023, NUS Ilsa Tari telah diberi peluang menyertai Festival Muara, iaitu sebuah festival tarian Melayu, dan telah membuat persembahan di Esplanade.

Namun, penglibatan NUS Ilsa Tari itu istimewa disebabkan penglibatan pelajar asing yang turut serta dalam karya tarian mereka.

Salah seorang daripada mereka berasal dari Jepun, manakala seorang lagi dari China.

Meski tidak mempunyai latar belakang dalam tarian Melayu, dua pelajar asing tertarik dengan tarian ini dan ingin menimba ilmu tentang budaya Melayu.

Mereka gigih meningkatkan kemahiran dalam seni ini meski dalam masa yang singkat sebelum hari persembahan.

Mengulas tentang penyertaan pelajar-pelajar asing tersebut, seorang anggota NUS Ilsa Tari, Encik Muhammad Hariz Emran, berkata:

“Saya amat berbesar hati dan terharu kerana ada juga segelintir orang yang bukan berbangsa Melayu turut mempunyai minat yang mendalam

untuk mempelajari dan juga menceburi tarian ini.

“Ini merupakan suatu bukti sifat tarian Melayu yang sangat kosmopolitan dan menarik.

“Jika tarian Melayu juga diwarisi orang bukan Melayu pada suatu hari nanti, kita patut berbangga kerana Melayu benar-benar tidak akan hilang di dunia.”

Mahasiswi NUS tahun keempat, Cik Nur Safiqah Abdul Rahim, mengongsi pengalamannya digandingkan dengan Encik Shintaro Ae, yang berasal dari Jepun, untuk persembahan itu.

“Saya menghargai minat Shintaro untuk mempelajari budaya dan tradisi kita!

“Saya juga sungguh teruja apabila mendengar bahawa beliau akan menyertai kami dalam persembahan di Festival Muara.

“Sebagai rakan penari, saya juga amat bangga melihat peningkatan kemahirannya dalam tarian dan cara beliau memberikan persembahan yang sangat baik,” katanya.

Meskipun terdapat pelbagai kumpulan seni budaya Melayu di universiti itu, NUS Ilsa Tari unik disebabkan usaha mereka dalam meneroka tarian Melayu tradisional dan kontemporari.

Perkataan ‘ilsa’ berdasarkan perkataan Melayu ‘asli’, yang bermaksud tempatan.

Ia melambangkan keberanian untuk menghala ke arah tujuan artistik seni yang baru, berdasarkan kreativiti yang diharap dapat mencetus-

kan perubahan dalam masyarakat.

Namun begitu, NUS Ilsa Tari juga memastikan bahawa karya seni mereka mempunyai ciri-ciri yang berlandaskan tradisi dan adat Melayu.

Disebabkan ini, NUS Ilsa Tari menumpukan perhatian kepada memperkukuhkan asas tarian Melayu tradisional seperti zapin, ronggeng, inang dan Tari Serampang 12 dalam kalangan penari mereka.

Meskipun tarian ini berdasarkan pelbagai adat dan budaya orang Melayu, ia merupakan seni yang terbuka kepada sesiapa sahaja yang ingin mempelajari dan menyertainya.

Malah, bangsa lain amat dialu-alukan untuk turut mempelajari tarian dan budaya Melayu kerana ia akan dapat menggalakkan keharmonian dan pemahaman antara masyarakat berbeza.

Oleh itu, penyertaan pelajar asing dalam NUS Ilsa Tari menunjukkan bagaimana pendekatan yang bersifat terangkum harus terus digalakkan dalam seni dan kepentingan demi memupuk kepelbagaian kaum dalam seni budaya Melayu.

Dengan ini, ia akan membolehkan seni budaya Melayu terus maju, berkembang dan dilestarikan lagi!

► Penulis mahasiswi Universiti Nasional Singapura dalam bidang sosiologi dan pengajian Melayu.